

JCorp beri tuisyen percuma

» Peruntukan RM2.3j laksana program tumpu UPSR sekolah luar bandar

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my

► Johor Bahru

Johor Corporation (JCorp) membelanjakan RM2.3 juta dalam tempoh lima tahun sejak tahun 2012 bagi menyediakan tuisyen percuma kepada murid terpilih yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, berkata program itu memberi tumpuan kepada sekolah di luar bandar, selain murid yang berpotensi tetapi kurang berkemampuan dan tidak berpeluang mengikut kelas tambahan dalam usaha meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

Katanya, pemilihan sekolah dijalankan oleh Jabatan Pendi-



Ismail (empat dari kiri) diiringi Kamaruzzaman (kiri) bersama pemenang Pertandingan Akhir Semarak Jawi dan Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR Projek Tuisyen Johor Corporation 2015 di Galleria@Kotaraya, Johor Bahru.

[FOTO STR/NURUL AMANINA SUHAINI/BH]

kan negeri dan setakat ini, sebanyak 22 sekolah dari seluruh negeri terpilih menyertai program berkenaan.

“Program ini membantu meningkatkan pencapaian akademik murid apabila berjaya membantu seramai 256 murid men-

capai keputusan cemerlang dengan mendapat keputusan 5A dan 4A dalam UPSR bagi tempoh 2012-2015.

“Keputusan UPSR tahun lalu secara puratanya menunjukkan peningkatan sebanyak 33.74 peratus, yang mana seramai 137

murid mencatatkan keputusan cemerlang,” katanya dalam ucapan di majlis Pertandingan Akhir Semarak Jawi dan Anugerah Kecemerlangan UPSR Projek Tuisyen Johor Corporation 2015, di sini.

Yang turut hadir, Setiausaha Ke-